MESTI BACA

Pembuangan Bahan Sisa

1. Bahan sisa boleh dikelaskan kepada **dua**, iaitu:
   (a) **bahan yang boleh dibuang ke dalam singki** termasuklah cecair atau larutan berkepekatan rendah seperti larutan neutral, asid dan alkali lemah.
   (b) **bahan yang tidak boleh dibuang ke dalam singki** termasuklah sisa pepejal, logam berat, minyak, bahan kimia, bahan toksik
2. **Sisa biologi** boleh dikelaskan mengikut kategori:
   (a) Kategori A: Peralatan tajam
   (b) Kategori B: Pepejal tidak tajam
   (c) Kategori C: Bangkai, organ
   (d) Kategori D: Cecair badan
3. Antara **langkah untuk menguruskan kemalangan** di dalam makmal
   (a) **pasir** - untuk menutup tumpahan bahan kimia
   (b) **serbuk sulfur** - untuk menutup tumpahan merkuri

TIP PENTING

1. Anda perlu mengetahui **contoh bahan yang boleh dibuang ke dalam singki** dan bahan yang tidak boleh dibuang ke dalam singki.
3. Anda juga perlu mengetahui **kategori bahan sisa biologi** di makmal.
4. Anda dapat menentukan **bahan yang digunakan untuk menutup** tumpahan bahan kimia atau tumpahan merkuri.

JAWAB

KERTAS 1

1. Antara bahan berikut, yang manakah tidak boleh dibuang ke dalam singki?

A Larutan cuka
B Logam berat
C Air suling
D Larutan garam

2. Mengapakah bahan yang mempunyai nilai pH lebih daripada 9 tidak boleh dibuang ke dalam singki?

A Bahan mudah terbakar
B Bahan yang berbau kuat
C Bahan yang neutral
D Bahan yang bersifat mengakis

3. Antara bahan berikut, yang manakah boleh dibuang ke dalam singki di dalam makmal?

A Cat minyak
B Larutan gula
C Daun
D Sebatian pelarut organik


4. Antara bahan sisa biologi berikut, yang manakah dikelaskan dalam kategori A?

A Serum
B Haiwan uji kaji
C Sarung tangan
D Jarum

5. Apakah kategori bahan sisa biologi bagi haiwan makmal?

A Kategori A
B Kategori B
C Kategori C
D Kategori D

6. Rajah di bawah menunjukkan satu bahan kimia yang tertumpah di atas meja.



Apakah bahan yang digunakan untuk menutup bahan kimia itu?

A Serbuk sulfur
B Asid sulfurik
C Air suling
D Pasir

LIVEWORKSHEETS